

Nik Aziz ucap terima kasih kepada Kerajaan Pusat

PASIR MAS 15 Sept. — Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana terus membawa pembangunan ke negeri ini.

Sehubungan itu, beliau berharap hubungan di antara kerajaan negeri dan Pusat akan berterusan, lebih-lebih lagi dengan janji Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu untuk membawa lebih banyak projek ke negeri ini.

“Terima kasih banyak,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra, Tendong di sini, hari ini.

Majlis perasmian jambatan berharga RM166.36 juta telah disempurnakan oleh Sultan Kelantan, Tuanku

Ismail Petra dan ia turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketika diminta mengulas ucapan Perdana Menteri yang meminta rakyat negeri ini supaya pandai memilih pemimpin dan kerajaan yang boleh menunaikan janji, Nik Abdul Aziz berkata:

“Ya, rakyat Kelantan memang pandai memilih.”

Ditanya jika kehadirannya ke majlis itu akan menjejaskan popularitinya, beliau berkata, perkara itu tidak berlaku.

“Mana boleh. Ini tanda kewajipan saya sebagai ketua kerajaan menyambut Perdana Menteri. Perdana Menteri ini bukan Perdana Menteri UMNO sahaja, Perdana Menteri Pas juga,” tegasnya.